

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan sekarang akan bersetuju dengan cadangan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang pada bulan September 2020 lalu menggesa supaya Kerajaan meneliti semula kenaikan gaji dan upah pekerja mengikut keadaan kos sara hidup.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) merupakan salah satu indikator utama yang digunakan untuk mencadangkan kadar gaji minimum baharu. Kadar PGK sebanyak RM2,208 yang diumumkan baru-baru ini merupakan purata pendapatan bagi isi rumah. Manakala pendekatan penentuan gaji minimum mengambil kira purata pendapatan pekerja yang bekerja. Perubahan PGK juga akan memberi kesan kepada purata pendapatan individu pekerja bergaji rendah isi rumah. Justeru itu, kajian perlu dilakukan untuk meneliti lebih lanjut dari aspek demografi isi rumah individu pekerja dalam bergaji paling rendah bagi mendapatkan purata pendapatan sebenar pekerja bekerja yang memperolehi gaji minimum.

2. Selain PGK, Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) juga menggunakan penengah gaji sebagai salah satu indikator asas penetapan gaji minimum baharu. Penengah gaji ini mencerminkan kemampuan majikan membayar gaji.

3. Di samping PGK dan penengah gaji, MPGN juga mengambil kira indikator-indikator sosioekonomi yang lain seperti kadar pengangguran bagi memastikan kadar gaji minimum tidak menjejaskan pasaran buruh. Produktiviti buruh turut diteliti dalam kajian semula bagi memastikan kenaikan gaji minimum selaras dengan peningkatan produktiviti. Selain itu, perubahan indeks harga pengguna juga memainkan peranan penting dalam kajian semula kerana ia mencerminkan perubahan kos sara hidup.

4. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan indikator-indikator sosioekonomi ini, penetapan kadar gaji minimum perlu melalui proses kajian semula, sekurang-kurangnya satu kali setiap dua tahun selaras dengan subseksyen 25(1) Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 [*Akta 732*]. Kajian semula ini juga akan dilaksanakan dengan mengambil kira impak pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2020.

5. Dalam menjalankan kajian semula, MPGN mengambil pendekatan seimbang (*balanced approach*) dengan mempertimbangkan kepentingan pihak majikan, pekerja dan kerajaan. Pendekatan sebegini penting agar majikan mampu melaksanakan kadar gaji minimum yang baharu dan pekerja dapat mengekalkan pekerjaan. Kenaikan gaji minimum dipertimbangkan berdasarkan indikator-indikator sosioekonomi dan petunjuk kajian impak perintah gaji minimum serta situasi pasaran tenaga kerja dalam mengesyorkan gaji minimum kepada Kerajaan.

6. Kenaikan kadar gaji minimum perlu dilaksanakan secara berperingkat agar tidak memberi tekanan dan membebankan majikan, terutama bagi perusahaan kecil, mikro dan sederhana. Kenaikan kadar gaji minimum yang mendadak boleh menjejaskan operasi syarikat, peluang pekerjaan baharu yang menguncup dan berkemungkinan pekerja akan kehilangan pekerjaan. Melalui pendekatan ini, Kerajaan percaya daya saing negara akan dapat dikekalkan di peringkat domestik dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.